

09/02/1998

Patuhi nasihat Presiden: Zaharah

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, mahu ahli pergerakan itu mematuhi nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak ada pertandingan di peringkat bahagian.

Katanya, ahli perlu mengutamakan keutuhan politik negara bagi menangani masalah ekonomi dan bukan bertanding merebut jawatan.

"Saya menyokong arahan Perdana Menteri supaya tidak ada pertandingan di peringkat bahagian bagi memastikan kestabilan politik ketika dilanda kegawatan ekonomi sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas majlis pelancaran Ehsan Wanita anjuran Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

(END)